

31/01/1999

Anwar beri keterangan bersumpah

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR: Kes Datuk Seri Anwar Ibrahim kini sudah sampai di peringkat pertengahan perbicaraan, apabila bekas timbalan perdana menteri itu dipanggil untuk membela diri terhadap empat tuduhan amalan rasuah.

Pada hari ke-50 perbicaraan, Hakim Mahkamah Tinggi Datuk S Augustine Paul mendapati pendakwa raya berjaya membuktikan kes prima facie (ada kes) terhadap empat tuduhan itu. Ini bererti Anwar perlu membela diri dan mengemukakan saksi untuk menyokong kesnya.

Setakat ini, pasukan pembela sudah memaklumkan kepada mahkamah mereka akan memanggil 23 saksi termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob; dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Keterangan pembelaan yang bermula pada 8 Februari ini akan dimulai dengan keterangan tertuduh secara bersumpah yang dibuat menerusi dari dalam kandang saksi. Selepas itu tertuduh akan disoal balas oleh pendakwa.

Dalam kes pembelaan itu, kita tidak akan dihidangkan dengan cerita-cerita berhubung tohmahan salah laku seksual dan liwat berikutan perintah Paul yang mahu pihak terbabit membataskan keterangan kepada tuduhan saja.

Paul juga sudah membuat perintah bahawa kebenaran dan kepalsuan tohmahan itu tidak lagi ada kaitan dengan kes itu. Tohmahan yang dibuat oleh Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar ke atas Anwar adalah hanya tohmahan saja, tidak lebih daripada itu.

Sehubungan itu, pembela mempunyai tugas berat dan besar untuk menyediakan kes mereka yang terbatas kepada tuduhan itu saja dan Anwar tidak ada peluang lagi untuk menafikan tohmahan itu yang menjadi isu utama kes pendakwaan dua bulan lalu.

Bermula pada 8 Februari ini, kita akan mendengar daripada mulut Anwar sendiri mengapa beliau mengarahkan bekas Pengarah Cawangan Khas (SB), Datuk Mohd Said Awang dan bekas timbalan keduanya, Datuk Amir Junus mendapatkan surat penarikan balik daripada Ummi Hafilda dan Azizan.

Berikut adalah rentetan perbicaraan yang bermula pada 26 Januari 1999.